

Kehilangan 13 nelayan negara dekat Pulau Sipadan

Malaysia minta penjelasan Indonesia – Dr. M

KUALALUMPUR 12 Julai — Malaysia akan mendapatkan penjelasan daripada Indonesia berhubung kehilangan 13 orang nelayan negara berhampiran Pulau Sipadan dekat Sabah baru-baru ini.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, walau siapapun yang terlibat dalam kejadian itu, kerajaan perlu mengetahui apa sebenarnya yang berlaku di sana.

Bercakap kepada para pemberita selepas menghadiri majlis membaca Yasin dan tahlil sempena Maal Hijrah di Masjid Negara di sini malam ini, beliau berkata, jika benar nelayan - nelayan itu ditahan oleh pihak berkuasa Indonesia seperti yang dilaporkan, kerajaan ingin tahu atas kesalahan apa mereka ditahan.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia akan menghantar utusan khas untuk berbincang dengan Indonesia bagi menyelesaikan masalah itu hanya jika djasakan perlu berbuat demikian.

Beliau memberitahu demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar bar-tam ini mengenai kehilangan 13 orang nelayan rakyat negara ini ketika sedang menangkap ikan di sebuah kawasan yang letaknya lima batu ke selatan Pulau Sipadan.

Menurut laporan akhbar, nelayan - nelayan yang hilang ini dipercayai ditahan oleh pihak berkuasa Indonesia.

Pulau Sipadan yang terletak 14 batu nautika dari Semporna, Sabah telah menimbulkan kontroversi baru-baru ini apabila Indonesia menganggap pulau yang terletak di perairan Malaysia itu

sebagai haknya dan meminta Malaysia menghentikan usaha memajukan pulau itu termasuk Pulau Lipatan yang berhampiran.

Ditanya mengapakah negara kini menghadapi masalah sempadan dengan beberapa buah negara jiran, Perdana Menteri berkata, kedudukan Malaysia adalah berbeza dengan negara - negara ASEAN yang lain.

Malaysia mempunyai sempadan bersama dengan semua negara ASEAN, sedangkan negara ASEAN yang lain cuma mempunyai sempadan dengan satu negara sahaja.

“Jadi tidak hairanlah kalau kita ada masalah sedikit dengan negara - negara jiran kita itu. Lagipun memang di mana-mana di dunia hal-hal sempadan menjadi masalah,” kata Dato' Sri Dr. Mahathir.

Berhubung dengan keputusan Amerika Syarikat menarik balik sekatan perdagangan ke atas Afrika Selatan, menurut beliau, Amerika Syarikat sepatutnya membincangkan keputusan itu dengan negara - negara lain terlebih dahulu.

Menurutnya, pendirian Malaysia dalam isu itu akan bergantung pada rundingannya dengan Kongres Kebangsaan Afrika (ANC) dan negara - negara yang sempadan dengan Afrika Selatan.

“Kita lihat ada perubahan - perubahan di Afrika Selatan, kita kena tanya negara - negara tersebut terlebih dahulu (sebelum menetapkan pendirian),” katanya